

Soalan Objektif

Soalan 1 berdasarkan pernyataan di bawah.

Agora

1. Agora merupakan salah satu kawasan dalam Acropolis tamadun Yunani. Apakah peranan Agora?
A Tempat pertemuan dan pasar awam
B Tempat beribadat
C Bangunan kerajaan
D Rumah golongan bangsawan

Soalan 2 berdasarkan pernyataan di bawah.

Athens
Sparta
Corinth

2. Rajah di atas menunjukkan negara kota dalam Tamadun Yunani yang dikenali sebagai _____.
A Agora
B Acropolis
C Polis
D Kota polis
3. Apakah persamaan sistem demokrasi yang diamalkan di Yunani dan sistem demokrasi di Malaysia?
A Hanya kaum lelaki dipilih menjadi wakil rakyat
B Dikuasai oleh golongan bangsawan
C Dikuasai oleh golongan raja
D Rakyat berkuasa memilih wakil rakyat melalui pengundian
4. Antara yang berikut, manakah merupakan keanggotaan dewan Perhimpunan?
I Terdiri daripada semua warganegara lelaki
II Hanya warganegara lelaki dibenarkan menghadiri perhimpunan
III Setiap warganegara berpeluang memegang jawatan selama lima tahun
IV Bersidang sekurang-kurangnya 3 kali sebulan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
5. Mengapakah kerajaan Sparta memberikan penekanan kepada disiplin ketenteraan kepada kaum wanita dan kanak-kanak?
A Melatih menjadi tentera
B Memaksa mereka mempertahankan negara
C Memupuk taat setia kepada negara kota
D Memenangi peperangan dengan negara lain
6. Tamadun Rom muncul sebagai sebuah kuasa paling kuat di Mediterranean apabila berjaya mengalahkan pesaing yang wujud termasuklah Mesir. Apakah faktor yang mendorong pembinaan Tamadun Rom?
I Kebebasan pemikiran masyarakat
II Sikap ingin tahu masyarakat
III Pemimpin yang berwibawa
IV Kekuatan ketenteraan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
7. Masyarakat dalam Tamadun Rom terbahagi kepada tiga kelompok, iaitu Patrician, Plebian dan _____.
A petani
B artisan
C peniaga
D hamba
8. Apakah fungsi atau tujuan utama akueduk yang dibina oleh Marcus Visanius Agrippa dalam Tamadun Rom?
A Membekalkan air ke kawasan pertanian
B Membekalkan air ke rumah kediaman
C Lambang keagungan Tamadun Rom
D Sebagai tempat beribadat
9. Jalan raya di Rom mula dibina pada tahun 500 SM. Apakah ciri-ciri jalan raya dalam Tamadun Rom?
I Luas jalan raya ialah 3 kaki
II Dibina menggunakan batu besar sahaja supaya tahan dan kuat
III Terdapat batu tanda bagi menunjukkan jarak satu kawasan dengan kawasan lain
IV Dibina secara berlapis menggunakan batu besar, batu kecil dan batu kerikil
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
10. Mengapakah orang Rom membina tempat mandi awam?
A Kebersihan dan kesihatan lambang kehidupan bertamadun
B Melindungi Tamadun Rom daripada serangan musuh
C Menghubungkan bandar-bandar utama
D Pengawalan air yang sistematik